

18 Julai, 1981

Tahniah Suharto

JAKARTA, Jumaat — Presiden Suharto hari ini mengirim kawat tahniah kepada Perdana Menteri Malaysia, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad. Jabatan Luar Negeri berkata.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

18 Julai, 1981

antarabangsa ini bukan untuk memonopoli kemenangannya setiap tahun, tetapi sekiranya tewas lebih-lebih lagi jika gagal dalam kedua-dua bahagian, maka hakikat yang akan diterima sungguh pahit disebabkan sebagai penganjur dan pernah memenangi beberapa kali di peringkat permulaan terpaksa tunduk di saat-saat syiar Islam semakin berkembang di seluruh dunia.

Dalam hal ini bukan sahaja kejayaan yang akan dimenangi oleh peserta dari negara-negara Islam lainnya tetapi juga kekalahan dan kegagalan Malaysia

juga akan ditonton bukan sahaja oleh seluruh masyarakat Islam di negara ini tetapi oleh umat Islam di seluruh dunia.

Rasanya, di samping terlalu awal, juga amat sukar untuk membuat keputusan sekarang ini. slapa mungkin akan berjaya dalam musabqah di peringkat antarabangsa ini.

Bagaimanapun, walau slapa jua yang akan memenangi kejuaraan itu nanti adalah satu soal lain. Yang penting sejarah hitam dan pahit Malaysia dalam tahun 1979 kerana gagal mencapai sebarang kejayaan hendaknya tidak berulang pada tahun ini.